



**PENGARANG, MEJA BERITA**

**UNTUK SIARAN SEGERA**

**KENYATAAN MEDIA**

**PENDENGARAN AWAM OLEH  
SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN  
*ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION (EAIC)*  
BERHUBUNG  
SIASATAN KEMATIAN DHARMENDRAN A/L NARAYANASAMY  
SEMASA DALAM TAHANAN POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)**

9 Julai 2015 - EAIC akan mengadakan prosiding pendengaran awam berhubung siasatan kematian seorang tahanan bernama Dharmendran a/l Narayanasamy semasa dalam tahanan lokap polis Bahagian D9, Ibu Pejabat Polis (IPK) Kuala Lumpur bagi menentukan sama ada terdapat salah laku oleh mana-mana anggota atau pegawai polis berkaitan dengan kematian tahanan tersebut.

Sesi pendengaran awam ini adalah terbuka kepada orang awam dan pihak media. Ia akan berlangsung seperti ketetapan berikut:

**Tarikh** : Sesi Pertama - 27 hingga 31 Julai 2015  
Sesi Kedua - 17 hingga 21 Ogos 2015

**Tempat** : Tingkat 13, Menara TH Perdana  
Jalan Sultan Ismail  
Kuala Lumpur

**Masa** : 9.00 pagi hingga 4.30 petang

Sepuluh orang saksi akan dipanggil untuk memberi keterangan pada sesi pertama pendengaran tersebut, manakala lima belas orang lagi saksi akan memberi keterangan pada sesi kedua. Secara keseluruhan dijangkakan seramai 60 orang saksi akan dipanggil untuk memberi keterangan di sepanjang pendengaran awam termasuklah bagi sesi-sesi pendengaran lanjutan yang akan ditetapkan oleh Pasukan Petugas EAIC.

Pendengaran awam tersebut akan dipengerusikan oleh Pesuruhjaya EAIC, dibantu oleh tiga orang juru perunding, iaitu Encik Lim Chee Wee (Mantan Presiden Majlis Peguam Malaysia), Profesor Tan Sri Dato' Sri Dr. Sharifah Hapsah binti Syed Hasan Shahabudin (Mantan Pesuruhjaya EAIC) dan Tan Sri Dato' Sri Mohd Jamil bin Johari (Mantan Timbalan Ketua Polis Negara). Pendengaran awam tersebut juga akan dibantu oleh pegawai-pegawai kanan EAIC yang akan menjadi pegawai pengendali.

Pihak EAIC juga telah memanjangkan jemputan kepada keluarga tahanan (si mati), pihak PDRM, Majlis Peguam Malaysia, Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia (SUHAKAM), Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Pasukan Petugas Kematian Dalam Tahanan Pulau Pinang (*Penang Task Force on Custodial Deaths*) sebagai pemerhati dalam pendengaran awam itu.

Terma rujukan (*term of reference*) bagi menjalankan siasatan ini adalah seperti berikut :

- i. Untuk mengenal pasti sama ada terdapat sebarang salah laku seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 24 Akta 700 oleh pegawai PDRM semasa mengendalikan tahanan tersebut.
- ii. Sekiranya terdapat salah laku dizahirkan, untuk menentu dan mengenal pasti:
  - a) bagaimana dan mengapa salah laku itu terjadi;
  - b) apakah peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, *Standard Operating Procedure* (SOP) atau mekanisme yang menyebabkan atau mendorong kepada berlakunya salah laku tersebut; dan
  - c) individu yang bertanggungjawab ke atas salah laku tersebut.
- iii. Untuk mengesyorkan apa-apa penambahbaikan atau menggubal semula peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, SOP atau mekanisme bagi memastikan salah laku tersebut tidak berulang.
- iv. Untuk melakukan semua perkara yang suai manfaat atau yang semunasabahnya perlu bagi, atau yang bersampingan dengan, pelaksanaan

fungsinya dalam menyiasat kes kematian tahanan tersebut selaras dengan peruntukan Akta 700.

- v. Untuk menyediakan dan mengedarkan laporan mengenai hasil siasatan dan dapatan yang dilakukan.

Untuk maklumat lanjut orang awam boleh melayari laman sesawang EAIC [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my) atau laman sosial EAIC (facebook dan twitter) [eaicofficial](https://www.facebook.com/eaicofficial).

**-TAMAT-**

Saya yang menurut perintah,



**KAMAL BAHARIN BIN OMAR**

Setiausaha / Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)  
9 Julai 2015